

**PROGRAM GANJARAN PEDAGANG ELIT**

Kemas kini terakhir pada 27 November 2024

**TEMPOH PROMOSI**

“Program Ganjaran Pedagang Elit” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada **1 Disember 2024** dan berakhir pada **28 Februari 2025**, kedua-dua tarikh termasuk, melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

**TERMA & SYARAT**

Promosi ini tertakluk pada terma dan syarat (“T&S”) yang berikut:

**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua syarikat perniagaan Perusahaan Kecil Sederhana (“PKS”) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) yang aktif sama ada pelanggan baharu atau pelanggan sedia ada kepada pihak Bank (“Pelanggan”) yang mempunyai HLB Akaun Semasa atau Simpanan/HLISB Akaun Semasa-i atau Simpanan-i (“CASA/CASA-i”) dalam Ringgit Malaysia (“RM”). Pelanggan baharu ditakrifkan sebagai mereka yang bukan pengguna HLB/HLISB sedia ada atau pun mempunyai CASA/CASA-i dengan pihak Bank sebelum Tempoh Promosi.
2. PKS ditakrifkan sebagai milikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat sendirian berhad (Sdn Bhd) dengan perolehan jualan tahunan sehingga Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000).
3. Pihal Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
  - (a) telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang, atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank;
  - (b) sedang menghadapi prosiding muflis/penggulungan atau telah diisyiharkan muflis/gulung tikar sama ada sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi; dan
  - (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, dan Terma dan Syarat untuk penggunaan perkhidmatan Bank (secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat Berkenaan”) pada bila-bila masa sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi.

**MEKANIK PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG**

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan mesti memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan Layak”):
  - (i) melakukan satu atau lebih transaksi Pemindahan Telegraf Keluar (“OTT”) melalui **HLB Connect Online/HLB Connect First dan/atau di Cawangan HLB**;
  - (ii) hanya transaksi OTT untuk tujuan pembayaran pembelian barang (“GPP”) akan layak untuk mendapat Pulangan Tunai dan Hadiah Wang Tunai dan ia mesti dinyatakan pada ketika melakukan transaksi.
  - (iii) GPP ditentukan seperti berikut:
    - (a) Pelanggan Layak membeli barang dari luar negara;
    - (b) Pelanggan Layak membeli barang untuk tujuan perniagaan;
    - (c) Pelanggan Layak membeli barang untuk perkhidmatan pemprosesan (pengilangan);
  - (iv) menyediakan **dokumen sokongan yang diperlukan**, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
    - (a) Invois
    - (b) Bil muatan
    - (c) Pesanan Belian
    - (d) Pesanan Penghantaran
    - (e) Kontrak Bekalan
    - (f) Payment Advice
    - (g) Dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh pihak Bank untuk membuktikan tujuan bayaran GPP.

### Ganjaran dan Pilihan Pemenang

5. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang digarisankan di bawah Klausula 4 akan layak untuk perkara berikut:
- Fi Sifar:** Semua transaksi OTT yang dilakukan semasa Tempoh Promosi untuk tujuan GPP layak mendapat **fi sifar**.
  - Pulangan Tunai:** Terima Pulangan Tunai **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** untuk transaksi OTT pertama yang berjaya untuk tujuan GPP yang dilakukan semasa Tempoh Promosi ("Pulangan Tunai"). Setiap **transaksi OTT berikutnya** untuk tujuan GPP yang dilakukan semasa Tempoh Promosi akan menerima pulangan tunai **Ringgit Malaysia (RM30)**. Ganjaran ini **terhad kepada dua ratus lima puluh (250) Pelanggan Layak Pertama setiap bulan** dalam Tempoh Promosi. Seramai tujuh ratus lima puluh (750) Pelanggan akan menerima Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi ("Pemenang Pulangan Tunai").
  - Hadiah Wang Tunai:** Seramai **lima (5) Pelanggan Layak** dengan **bilangan kumulatif tertinggi** transaksi OTT bagi tujuan GPP yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Promosi akan memenangi "**Hadiah Wang Tunai**" seperti yang diperincikan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

GANJARAN		
Fi Sifar	Pulangan Tunai RM10 & RM30	Hadiah wang tunai:
<p><b>Faedah:</b> Nikmati fi sifar untuk semua transaksi OTT yang layak yang dilakukan melalui HLB Connect Online/ HL Connect First dan/atau di Cawangan HLB.</p> <p><b>Kelayakan:</b> Semua transaksi OTT yang berjaya dilakukan untuk tujuan GPP semasa Tempoh Promosi akan layak mendapat <b>bayaran fi sifar untuk caj kabel</b> dan/atau <b>fi untuk TT dalam talian</b>.</p>	<p><b>Faedah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Terima <b>Pulangan Tunai RM10</b> untuk transaksi OTT pertama yang berjaya dilakukan untuk tujuan GPP.</li> <li>(ii) Terima <b>Pulangan Tunai RM30</b> untuk semua transaksi OTT <b>berikutnya</b> yang dilakukan untuk tujuan GPP.</li> </ul> <p><b>Kelayakan:</b> Pulangan Tunai ini terhad kepada dua ratus lima puluh (250) Pelanggan Pertama yang Layak melakukan transaksi OTT untuk tujuan GPP setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p><b>Contoh:</b> Pelanggan Layak yang berjaya melakukan dua (2) transaksi yang layak semasa Tempoh Promosi akan menerima dua (2) Pulangan Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40) atas dasar siapa cepat dia dapat.</p>	<p><b>Faedah:</b> <b>Lima (5) Pelanggan Layak</b> yang melakukan bilangan transaksi OTT tertinggi untuk tujuan GPP akan memenangi Hadiah Wang Tunai berikut.</p> <p>Wang Tunai Pertama : RM8,888 Wang Tunai Kedua : RM6,888 Wang Tunai Ketiga : RM5,888 Wang Tunai Keempat: RM3,888 Wang Tunai Kelima: RM2,888</p> <p><b>Kelayakan:</b> Hadiah Wang Tunai akan diberikan kepada Pelanggan Layak dengan bilangan tertinggi transaksi OTT terkumpul yang berjaya dilakukan untuk tujuan GPP semasa Tempoh Promosi.</p> <p>Bilangan transaksi OTT untuk memenangi Hadiah Wang Tunai boleh dikumpul sepanjang Tempoh Promosi.</p>

6. Jumlah peruntukan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
- Fi Sifar:** Terpakai kepada semua transaksi yang layak yang memenuhi kriteria Promosi.
  - Pulangan Tunai:** Terhad kepada tujuh ratus lima puluh (750) **Pelanggan Layak** yang membuat transaksi OTT yang layak semasa **Tempoh Promosi** iaitu sehingga jumlah keseluruhan sebanyak **Ringgit Malaysia Lapan Belas Ribu Tiga puluh (RM18,030)** sahaja.

- (c) **Hadiah Wang Tunai:** Seramai lima (5) Pelanggan Layak dengan bilangan tertinggi transaksi OTT kumulatif bagi tujuan GPP yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Promosi akan memenangi Hadiah Wang Tunai (“**Pemenang Hadiah Wang Tunai**”).

### **PEMENUHAN GANJARAN/HADIAH**

#### **(A) Fi Sifar**

7. Pelanggan Layak yang melakukan transaksi OTT untuk GPP semasa Tempoh Promosi melalui HLB Connect Online/HL Connect First dan/atau di Cawangan HLB akan menikmati Fi Sifar.
8. Pelanggan HLB Connect Online/HL Connect First akan menerima bayaran balik fi yang dicaj oleh Bank semasa transaksi OTT **dalam tempoh empat puluh lima (45) hari perniagaan** selepas Tempoh Promosi berakhir.

#### **(B) Pulangan tunai**

9. Seramai **tujuh ratus lima puluh (750)** Pemenang **Pulangan Tunai** akan menerima Pulangan Tunai ini. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan Layak jika peruntukan Pulangan Tunai mencapai hadnya semasa Tempoh Promosi.
10. Pihak Bank akan mengkreditkan Pulangan Tunai ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai masing-masing (iaitu akaun yang digunakan untuk melakukan transaksi OTT) **dalam tempoh empat puluh lima (45) hari perniagaan selepas tamat Tempoh Promosi** di mana pembayaran terakhir adalah pada 15 April 2025.
11. Pemenang Pulangan Tunai akan dimaklumkan melalui Notifikasi Aplikasi HLB Connect (“**IAP**”)/Perkhidmatan Mesej Ringkas (“**SMS**”) atau sebarang kaedah komunikasi lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank setelah Pulangan Tunai berjaya dikreditkan kepada Pemenang Pulangan Tunai.
12. Pihak Bank berhak untuk menarik balik Pulangan Tunai jika CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai (yang digunakan untuk melakukan transaksi pemindahan) tidak aktif atau ditutup sebelum pihak Bank mengkreditkan Pulangan Tunai.

#### **(C) Hadiah Wang Tunai:**

13. Seramai **lima (5)** **Pelanggan Layak** akan diberi Hadiah Wang Tunai seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas pada penghujung Tempoh Promosi. Pemenang Hadiah Wang Tunai akan dipilih berdasarkan **jumlah bilangan transaksi OTT tertinggi** yang berjaya dilakukan untuk tujuan GPP semasa Tempoh Promosi. Sekiranya lebih daripada satu (1) Pelanggan Layak telah berjaya mengumpul bilangan transaksi OTT tertinggi yang sama, Pelanggan Layak dengan **jumlah amaun transaksi kumulatif tertinggi** akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Wang Tunai.
14. Pemenang Hadiah Wang Tunai akan diumumkan di laman sesawang Bank di <http://www.hlb.com.my> dan/atau <http://www.hlisb.com.my> (“**Laman Sesawang Bank**”). Pemenang Hadiah Wang Tunai akan juga dimaklumkan melalui e-mel dan/atau IAP dengan butiran mengenai pemenuhan Hadiah Wang Tunai dalam tempoh **enam puluh (60) hari perniagaan dari tarikh pengumuman**.
15. Pihak Bank berhak untuk membatalkan penyertaan Pemenang Hadiah Wang Tunai dan memberi Hadiah Wang Tunai tersebut kepada pemenang hadiah wang tunai seterusnya yang layak jika pihak Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah Wang Tunai atas sebarang sebab. Pemenang yang tidak boleh dihubungi tidak akan mempunyai sebarang tuntutan terhadap pihak Bank atas pembatalan dan penarikan hak tersebut. CASA/CASA-i Pemenang Hadiah Wang Tunai mestilah kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sehingga tarikh pemenuhan hadiah dan tidak boleh melanggar mana-mana Terma & Syarat Berkenaan. Kegagalan untuk mematuhi Terma & Syarat Berkenaan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan secara automatik

daripada menyertai Promosi ini.

16. Hadiah Wang Tunai akan dikreditkan terus ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Hadiah Wang Tunai yang digunakan untuk melakukan transaksi OTT dalam tempoh **empat puluh lima (45) hari perniagaan** dari tarikh pengumuman dihantar.

### **UMUM**

17. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi, Pemenang Hadiah Wang Tunai bersetuju bahawa nama pendaftaran syarikat mereka dan empat (4) digit terakhir nombor pendaftaran SSM mereka boleh digunakan untuk tujuan promosi, termasuk penerbitan senarai Pemenang di Laman Sesawang Bank. Pelanggan berkewajipan untuk memberi butiran hubungan dan alamat e-mel yang sah dan terkini kepada Bank dalam Tempoh Promosi.
18. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
  - i. mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini dan Terma dan Syarat Berkennaan;
  - ii. bersetuju bahawa semua rekod pemenuhan yang terdapat dalam sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah Tunai dan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan konklusif;
  - iii. bersetuju bahawa keputusan pihak Bank mengenai semua perkara berkenaan Promosi adalah muktamad, konklusif dan terikat kepada semua Pelanggan Layak;
  - iv. memberi kebenaran dan kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada XOX Technology Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh pihak Bank untuk tujuan Promosi ini dan/atau memberi kebenaran dan kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan alamat e-mel mereka kepada Dcatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Bank untuk menyediakan perkhidmatan e-mel bagi tujuan Promosi ini;
  - v. bersetuju untuk bertanggungjawab memberi butiran hubungan mereka yang sah dan terkini termasuk alamat e-mel kepada pihak Bank dan memaklumkan pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak kerana butiran hubungan yang diberikan oleh Pelanggan Layak tidak tepat atau tiada penghantaran e-mel atas apa jua sebab sekalipun;
  - vi. bersetuju untuk mengakses (“**Laman Sesawang Bank**”) secara berkala untuk melihat T&S Promosi dan memastikan mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - vii. bersetuju bahawa sebarang e-mel yang dihantar kepada Pelanggan Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan/rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kawalan sekiranya penghantaran e-mel tertunda, tidak dihantar atau menghadapi sebarang masalah penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel seperti e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan Layak (selepas ini dirujuk sebagai “**Kegagalan Rangkaian**”). Oleh yang demikian, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak ketiga atas sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang SMS dan/atau e-mel daripada pihak Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan dilayan;
  - viii. bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan pihak Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
  - ix. bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkenaan yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
19. Pihak Bank berhak:
  - (i) untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di sini

- dengan cara menyiaran tambahan, pemadaman, pengantungan atau pindaan T&S yang disenaraikan di sini atau penamatian Promosi ini di Laman Sesawang Bank dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak;
- (ii) untuk menarik balik Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Wang Tunai sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Berkennaan dan/atau semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
20. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkennaan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini dan apa-apa pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain mengenai atau berkaitan dengan Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
22. T&S ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
23. Kecuali dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

**Ahli PIDM. Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

Jika anda mempunyai mana-mana pertanyaan berkennaan ini T&S, sila emel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.